

03 MAY 1999

Mahathir - buku

UMNO TIDAK BERHASRAT MINTA BUKU SHIT DIHARAMKAN

KUALA LUMPUR, 3 Mei (Bernama) -- UMNO tidak berhasrat meminta kerajaan mengharamkan buku "Shit" karya sastrawan Negara Shahnnon Ahmad, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Katanya penulis buku berkenaan sanggup merendahkan dirinya sendiri semata-mata kerana benci dan ingin menimbulkan kebencian kepada pihak tertentu.

Beliau juga kesal dengan sikap orang yang mempunyai ilmu agama yang sanggup membuat tafsiran salah mengenai ayat Al-Quran semata-mata untuk mempertahankan penulis buku itu.

"Kita tak pernah melihat dalam Al-Quran tuhan menggunakan perkataan kotor dan tafsiran itu telah menghina Al-Quran dan agama Islam," katanya pada sidang berita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi Umno di sini malam ini

Dr Mahathir berkata adalah menjadi tanggungjawab masyarakat Islam sama dari Umno atau tidak membuat tafsiran sebenar ayat-ayat Al-Quran.

Beliau menjelaskan bahawa jika buku Shit diharamkan bermakna kerajaan terpaksa juga mengharamkan semua novel dan buku dari barat yang menurut beliau banyak menggunakan perkataan lucu secara jelas dalam karya mereka.

Beliau berkata bagi orang barat ini merupakan perkara biasa kerana ini merupakan budaya mereka.

"Tetapi ada orang kita yang tertarik nak jadi orang putih dan ikut sahaja apa orang putih buat.

"Jika orang putih jilat najis kita jilat najis jika kita tak bertamaddun.. orang seperti ini tidak ada maruah," tegas beliau.

Dr Mahathir berkata berbanding barat, kita mempunyai budaya dan peradaban yang tinggi dan seharusnya kita berbangga dengannya.

Beliau berkata banyak tamaddun barat kini telah runtuh dan sudah tidak ada nilai dan menambah bahawa mereka tidak fikir lain selain daripada seks dan keseronokan semata-mata.

Katanya budaya barat kini tidak menerima institusi perkahwinan lelaki dan perempuan tetapi sebaliknya membenarkan perkahwinan antara lelaki dengan lelaki dan perempuan dengan perempuan.

" Saya rasa ada di kalangan rakyat Malaysia yang akan berfikir secara itu dan menganggap ini sebagai satu kemajuan manusia dan jika nak maju kita kena ikut cara itu," katanya.

Dr Mahathir berkata kita mempunyai budaya sendiri yang perlu dipertahankan dan akan hanya mengikut contoh yang baik dari barat.

--BERNAMA

AKT WAT